

**UCAPTAMA SOHIBUS SAMAAH, MUFTI NEGARA SINGAPURA
Ustaz Dr. Mohamed Fatris Bakaram**

**Majlis Hari Raya Bersama Asatizah 2019
Selasa, 2 Julai 2019 | Temasek Club**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله الذي نزل الفرقان على عبده ليكون للعالمين نذيراً ، الحمد لله الذي علم
القران ، خلق الإنسان ، علمه البيان ، الحمد لله الذي علم بالقلم ، علم الإنسان ما لم يعلم
، وأشهد أن لا إله إلا الله وحده لا شريك له، وأشهد أن محمداً عبده ورسوله، اللهم صل
وسلم على النبي الأكرم وعلى آله وأصحابه أجمعين.

أما بعد،

Yang saya muliakan Pengerusi Lembaga Pengiktirafan Asatizah, Ustaz Ali Bin Hj
Mohamed.

Yang saya hormati Timbalan Mufti Negara Singapura, Ustaz Dr. Nazirudin Mohd
Nasir.

Anggota Pengiktirafan Asatizah (ARB).

Para Asatizah Yang saya kasihi.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Daun selasih harum baunya

Makan berulam bersama penggaga

Terima kasih dan selamat hari raya

Ucapan salam tidak dilupa

Pendahuluan

Alhamdulillah, puji syukur ke hadrat Illahi, di atas kurniaanNya yang tidak terhingga dan nikmat ukhuwwah yang terjalin selama ini antara kita – di kalangan asatizah – dapat kita berhimpun bersama, bertemu dan bersatu di dalam majlis Hari Raya di penghujung bulan Syawal 1440 Hijriyyah.

2 Pertemuan ini sangat penting kerana ianya lambang kebersamaan dan perpaduan golongan asatizah - lebih-lebih lagi dalam konteks masakini yang sangat mencabar - kebersamaan dan perpaduan seperti ini sangat tinggi nilainya. Sehubungan dengan itu, negara Singapura sangat-sangat memerlukannya bagi keutuhan masyarakatnya yang berbilang bangsa, budaya, bahasa dan agama.

3 Dua minggu yang lalu, saya telah menyertai Persidangan Antarabangsa mengenai Masyarakat Bersepadu “*International Conference on Cohesive Societies*” (ICCS) yang diadakan di Singapura pada 19 – 21 Jun 2019. Saya berasa gembira melihat ramai Asatizah turut sama di dalam persidangan tersebut dan saya berharap semoga mereka telah dapat meraih manfaat yang berharga dari perbincangan-perbincangan yang sangat konstruktif sepanjang persidangan tersebut.

3 Persidangan itu telah dihadiri oleh tokoh-tokoh agamawan dan masyarakat dari seluruh dunia. Di antara mesej terpenting yang dapat saya petik daripada persidangan tersebut untuk saya kongsi sama dengan para asatizah hari ini adalah:

- a) Masyarakat majmuk ibarat kain tenunan sutera yang berwarna-warni. Ia sangat indah dipandang dari satu sudut, dan juga boleh terkoyak jika disalah pakai. Sehubungan dengan itu, kain tenunan ini perlu dijaga dan dipelihara

dengan baik agar tidak mudah koyak sehingga mengganggu-gugat kestabilan masyarakat majmuk secara khusus di Singapura.

- b) Singapura sebuah negara kecil, di samping ia menimba pengalaman berharga daripada negara-negara lain, ia juga memberi sumbangan yang tidak kurang hebatnya kepada mereka dari segi pengalamannya di dalam membina sebuah masyarakat yang utuh.
- c) Keperluan kerjasama atau gandingan antara para pemimpin masyarakat dan pemimpin agama dalam mewujudkan keutuhan masyarakat yang pelbagai kepercayaan, aliran, budaya dan bahasa.

4 Di dalam majlis perasmian persidangan tersebut, telah diadakan acara pelancaran komitmen untuk melindungi keharmonian agama. Kandungan komitmen sedemikian bukan asing bagi kita golongan Asatizah. Semenjak dari bangku sekolah lagi, kita telah didedahkan bahawa kepelbagaian yang berlaku di dalam sejarah Islam sekalipun dalam hal kepercayaan dan agama, tidak menghambat usaha untuk membina dan mempertahankan keutuhan sesebuah masyarakat yang seterusnya menyumbang kepada pembangunan tamadun Islam yang unggul pada ketika itu. Pada masa kini, kita juga mengikuti perbincangan yang sama melalui kesepakatan para Ulama' dan tokoh-tokoh masyarakat yang telah melahirkan **Risalah Amman** "*The Amman Message*" (2004) dan **Deklerasi Marakish** "*Marrakesh Declaration*" (2016) serta Kod Etika Asatizah di Singapura.

5 Komitmen untuk melindungi Keharmonian Agama ini menggariskan tujuh dasar utama iaitu:

- a) Menegakkan kebebasan agama
- b) Membina ikatan yang lebih teguh

- c) Membina budaya saling bertimbang rasa dan saling memahami
- d) Berkongsi kepercayaan dan berdakwah dengan hormat
- e) Mengekalkan perpaduan dalam krisis
- f) Menyokong usaha institusi, dan
- g) Melindungi keharmonian agama bagi Singapura yang lebih baik untuk semua.

6 Yang menarik perhatian saya semasa pelancaran komitmen itu adalah, bagaimana sumbangan tokoh-tokoh agamawan termasuk golongan asatizah di Singapura dalam memainkan peranan yang sangat strategik demi menjana keharmonian agama di Singapura yang menjadi contoh di mata dunia. Syabas saya ucapkan kepada kepimpinan asatizah dalam meletakkan agenda utama agama bukan sahaja di negara kita bahkan diakui di peringkat antarabangsa.

7 Pengiktirafan sumbangan asatizah ini juga diakui oleh Encik Masagoes Zulkifli, Menteri Sekitaran dan Sumber Air, Merangkap Menteri bertanggungjawab bagi Hal Ehwal Masyarakat Islam Singapura di dalam ucapan utama beliau sempena Majlis Hari Raya pada 21 Jun 2019. Beliau mengiktiraf sumbang bakti Asatizah bersama Pejabat Mufti di dalam pembangunan pemikiran dan pengamalan keagamaan yang relevan bagi konteks setempat yang disulami dengan keyakinan diri yang sangat tinggi di dalam menabur bakti bagi kemaslahatan masyarakat Singapura secara umum. Atas dasar itu, kepimpinan agama perlu terus membangunkan citra masyarakat gemilang yang beliau gagaskan berdasarkan tiga asas utama (Tiga K) – Keperibadian, Kemahiran dan Kewarganegaraan.

Memperkasa Institusi Asatizah Melalui Manhaj Wasatiyyah

Asatizah Yang Dirahmati Allah,

8 Bertitik tolak dari apa yang telah saya nyatakan di atas, kita harus sama-sama fikirkan langkah-langkah untuk terus memperkasa Institusi Asatizah ini, di mana sumbangan asatizah Singapura dapat diperluaskan dan dikembangkan sebagai persiapan dalam menghadapi cabaran-cabaran yang lebih besar dan kompleks.

9 Pada hemat saya, ini dapat dilaksanakan dengan kita menjadikan manhaj *al-Wasatiyyah* sebagai aturan di dalam menjalankan peranan strategik dalam mencorak kehidupan agama di Singapura.

10 Aturan ini mempunyai ciri-ciri yang terpenting yang ingin saya gariskan di bawah ini iaitu:

- a) Mengukuh kekuatan dan perpaduan institusi Asatizah;
- b) Mengarah kepada sifat insaf dan adil dalam berinteraksi sesama kita;
- c) Istiqamah dalam berpegang kepada prinsip dan nilai sejagat, dan;
- d) Menyebarkan konsep *khairiyyah* (kebaikan) dan keamanan serta kesejahteraan demi agama, umat dan Negara.

11 Bagi memperincikan manhaj wasatiyyah ini, saya gariskan dalam tiga perkara pokok di bawah ini:

- a) Manhaj wasatiyyah yang menjadi tunjang kepada Kod Etika Asatizah tidak dapat dihargai sepenuhnya atau dirasakan kemanisannya jika tidak didukung dan diaplikasikan di dalam kehidupan seharian. Manhaj ini merangkumi nilai kebersamaan, kepelbagaian, kontekstual dan kredibiliti yang perlu dijadikan

sebagai sebahagian dari sahsiah golongan Asatizah. Asatizah adalah *role model* yang diperhatikan oleh anggota masyarakat yang lain. Jika kita para Asatizah tidak menunjukkan dukungan penuh terhadap Kod Etika yang telah diusahakan oleh golongan Asatizah sendiri, maka percayalah bahawa masyarakat kita tidak akan mampu untuk bergerak ke hadapan di dalam pengamalan keagamaan mereka.

- b) Manhaj wasatiyyah sangat-sangat menitik-beratkan partisipasi golongan agamawan dalam isu-isu semasa yang sangat rencam yang terjadi di tengah-tengah masyarakat dunia masakini; sama ada di peringkat lokal atau antarabangsa seperti isu kemiskinan global, kesamarataan sosial, pemanasan udara dan ideologi radikal.
- c) Institusi Asatizah ini adalah milik kita bersama. Perkembangan demi perkembangan, kemajuan demi kemajuan telah dicapai oleh golongan Asatizah di tanahair kita ini. Yang terkini adalah pelancaran system Mandatori ARS yang akhirnya menjadikan profesi Asatizah berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan profesi-profesi lain yang turut memakmurkan Negara. Institusi Asatizah bukan hanya menjadi sebuah institusi yang perlu dibanggakan oleh masyarakat Islam setempat, tetapi sebenarnya ia adalah sebuah aset yang sangat berharga yang perlu dipelihara, dipupuk dan diperjuangkan oleh setiap individu yang digelar sebagai Ustaz dan Ustazah di Singapura ini. Institusi yang telah dilahirkan oleh para Masyayikh di Persatuan Ulama dan Guru-Guru Agama Islam Singapura (Pergas) dan kemudian dikembangkan dengan kerjasama antara Lembaga Pengiktirafan Asatizah, Pergas dan Muis perlu dipertahankan dan tidak dibiarkan diganggu-gugat demi kemaslahatan institusi Asatizah itu sendiri.

Wasiat Kenabian

Asatizah yang dimuliakan

12 Di penghujung ucapan saya ini, saya ingin mengajak Asatizah merenung dan memerhati secara halus wasiat kenabian yang ditinggalkan oleh Baginda Nabi saw yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī agar kita sama-sama dapat renungkan dan terapkan di dalam menilai dan menghargai sumbangan orang lain.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ - أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - قَالَ: "إِنَّ مَثَلِي وَمَثَلَ

الأنبياء من قبلي كمثل رجل بنى بيتًا فأحسنه وأجمله، إلا موضع لبنة من زاوية، فجعل

الناس يطوفون به، ويعجبون له، ويقولون: هلا وضعت هذه اللبنة؟ قال: فأنا اللبنة، وأنا

خَاتِمُ النَّبِيِّينَ"

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah ra. Bahawa Rasulullah saw telah bersabda: *"Sesungguhnya perumpamaanku dan para Nabi sebelumku adalah seperti seseorang yang membangun sebuah rumah, lalu dia membaguskannya dan memperindahkannya, kecuali ada satu (ruang kosong) di suatu sudut yang belum disempurnakan dengan batu-bata, lalu manusia mengelilinginya dan mereka merasa kehairanan sambil berkata; "Alangkah baiknya (seandainya ada seseorang) meletakkan batu-bata di tempatnya ini?". Baginda bersabda: "Maka akulah batu-bata itu dan aku adalah penutup para Nabi".*

Asatizah yang saya kasihi,

13 Sungguh indah analogi yang digambarkan oleh Baginda Rasulullah saw di dalam hadits yang baru saya bacakan sebentar tadi. Nabi kita saw tidak pernah mendabik dada menganggap dirinya sahaja yang mulia dibandingkan Nabi-Nabi lain yang terdahulu. Beliau menggambarkan dirinya seperti batu-bata terakhir dalam sebuah rumah indah yang sudah terbina. Gambaran ini - secara tidak langsung - mengiktiraf sumbangan besar yang telah dilaksanakan oleh para Nabi sebelum beliau.

14 Justeru itu, tidak terbetik di dalam benak Baginda – sebagai penutup sekalian Nabi – untuk merobohkan bangunan yang sudah sedia ada dengan membangun rumah baru lebih indah hasil ciptaan dan rekaan beliau sendiri! Baginda seperti di dalam hadits lain adalah sebagai: *“Menyempurnakan akhlak-akhlak yang mulia”*.

15 Begitulah yang harus kita lakukan Asatizah sekalian. Ketika kita melihat sumbangan yang telah ditabur oleh orang-orang sebelum kita, dengan semangat penghargaan, kita meneruskan legasi mereka dengan memelihara jembatan hubungan antara satu sama lain dari hati ke hati, melakar agenda kepimpinan keagamaan hari esok bersama.

16 Saya pasti ianya akan memberi impak yang amat mendalam buat kesejahteraan masyarakat Singapura di hari muka. Baginda Rasulullah saw juga telah memberi pesanan agar orang-orang yang beriman saling berkerjasama ke arah pengukuhan dalam segala lapangan hidup manusia. Sabda Baginda:

عن أبي موسى - رضي الله عنه - قال: قال رسول الله - صلى الله عليه وسلم -: "المؤمن للمؤمن

كالبنيان يشد بعضه بعضاً"

Maksudnya: Daripada Abu Musa ra. Beliau berkata: Telah bersabda Rasulullah saw:
“(Perumpamaan) seorang Mukmin dengan Mukmin yang lain adalah seperti bangunan. Mereka saling kukuh-mengukuhkan antara satu sama lain”. Muttafaquun ‘Alaihi.

17 Semoga Allah memberkati pertemuan ringkas kita hari ini. Semoga pertemuan ini akan disusuli dengan jalsah ilmiah yang dapat membangun intelektual dan ketinggian rohani antara Asatizah. Amin ya Rabb al-Alamin.

18 Saya sudahi ucapan ini dengan serangkap pantun:

Awan berarak mendung mendatang

Titisan hujan membasahi bumi

Bersama mencorak bersama menjulang

Gagasan pemerksaan institusi ini

وبالله التوفيق والهداية

والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته